

## Analisis Kesesuaian Kandungan Buku al-Rasm al-Ishari sebagai Bahan Pembelajaran Pratilawah Quran Isyarat bagi Komuniti OKU Pendengaran

### *(Content Suitability Analysis of al-Rasm al-Ishari as a Learning Resource for Sign-Based Quran Pre-Recitation among the Hearing-Impaired Community)*

Mim Tasnim binti Rebi

*Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia*

Norakyairee Mohd Raus

*Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia*

Nurul Asiah Fasehah Muhamad

*Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia*

#### Abstrak

Proses pembelajaran Quran yang merangkumi fasa mengenal, menghafaz, membaca dan memahami (Surah al-Qiyamah, 75:16–19) telah diaplikasikan dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) tilawah Quran di Malaysia untuk komuniti tipikal dan Orang Kurang Upaya (OKU), termasuk OKU Pendengaran atau Orang Pekak (OP). Kajian ini memfokuskan tiga fasa awal yang berkait dengan penguasaan OP dalam kemahiran pratilawah menggunakan isyarat Kod Tangan Quran (KTQ). Kajian terdahulu menunjukkan komuniti OP berdepan dengan cabaran seperti ketidaksesuaian Bahan Bantu Mengajar (BBM) berasaskan fonetik seperti buku Iqra', kesukaran mengingat dan memahami isyarat KTQ serta kekeliruan bentuk huruf Quran yang berubah mengikut kedudukan dalam kalimah. Sehubungan itu, buku al-Rasm al-Ishari dibangunkan sebagai buku pratilawah Quran isyarat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan secara deskriptif. Buku al-Rasm al-Ishari dianalisis dengan menumpukan aspek isi kandungan, panduan dan aktiviti, serta persembahan bagi menilai kesesuaian buku tersebut dalam pembelajaran pratilawah Quran isyarat bagi OP. Dapatan menunjukkan al-Rasm al-Ishari bersifat mesra OP dan berpotensi menyokong pembelajaran pratilawah, namun penambahbaikan seperti penerangan konsep sambungan huruf dan latihan yang pelbagai dicadangkan bagi meningkatkan kefahaman OP. Implikasi kajian ini ialah menyokong penyediaan BBM pratilawah yang lebih mesra OP, sekali gus membantu OP mengenal huruf dengan lebih tepat dan mengurangkan kekeliruan semasa pembelajaran.

**Kata kunci:** Isyarat Kod Tangan Quran, OKU Pendengaran, Pratilawah Quran Isyarat

#### Abstract

The Quran learning process involves phases of recognising, memorising, reading, and understanding (Surah al-Qiyamah, 75:16–19), and this framework has been applied in Quran recitation teaching and learning (PdP) in Malaysia for both typical learners and Persons with Disabilities (PwD), including those with hearing impairment or the deaf. This study focuses on the first three phases related to the deaf community's mastery of pre-recitation (pratilawah) skills using the Quranic Hand Code signs (KTQ). Previous studies indicate that the deaf face challenges such as the mismatch of phonics-based teaching aids like the Iqra' book, difficulties in remembering and understanding KTQ signs, and confusion caused by Quranic letter forms that change according to their position within a word. In response, al-Rasm al-Ishari was developed as a sign-based Quran pre-recitation book. This study adopts a qualitative approach using descriptive document analysis. The al-Rasm al-Ishari book was analysed by focusing on its content, guidelines and activities, as well as its presentation, in order to evaluate its suitability for sign-based Quran pre-recitation learning among the deaf community. The findings indicate that suitability for sign-based Quran pre-recitation learning among the deaf community. The findings indicate that al-Rasm al-Ishari is deaf-friendly and has the potential to support pre-recitation learning. However, continuous improvements such as brief explanations of letter-joining rules and more varied reinforcement exercises are recommended to enhance their understanding. The implication of this study is that it supports the development of more deaf-friendly pre-recitation teaching aids, helping the deaf to recognise Quranic letters more accurately and reduce confusion during learning.

**Keywords:** Quranic Hand Code Signs, Hearing-impaired Persons, Sign-Based Quranic Pre-Recitation

Article Progress

Received: 09 January 2026

Revised: 23 January 2026

Accepted: 09 February 2026

## 1. PENGENALAN

Proses pembelajaran Quran yang dipraktikkan dalam silibus serta modul Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) tilawah Quran di Malaysia melibatkan beberapa fasa, iaitu bermula daripada fasa mengenali, menghafaz, membaca dan memahami isi kandungannya (Norakyairee et al., 2020), sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Qiyamah ayat 16 hingga 19:

لَا تُحْرِكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ ۚ إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ ۚ فَإِذَا قَرَأْتَهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ ۚ ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُ ۚ

Maksudnya: “(16) Janganlah engkau (wahai Muhammad) - kerana hendakkan cepat menghafaz Quran yang diturunkan kepadamu - menggerakkan lidahmu membacanya (sebelum selesai dibacakan kepadamu). (17) Sesungguhnya Kamilah yang berkuasa mengumpulkan Al-Quran itu (dalam dadamu), dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu); (18) Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu; (19) Kemudian, sesungguhnya kepada Kamilah terserah urusan menjelaskan kandungannya (yang memerlukan penjelasan).”

(Al-Quran. al-Qiyamah 75: 16-19)

Walaupun proses pembelajaran Quran merangkumi fasa mengenali, menghafaz, membaca dan memahami, kajian ini hanya memberi tumpuan kepada tiga fasa awal bagi komuniti Orang Kurang Upaya (OKU), khususnya komuniti OKU Pendengaran atau Orang Pekak (OP) yang merupakan fokus kajian ini. Keterbatasan komuniti OP untuk mendengar dan bertutur seharusnya tidak menghalang mereka untuk mempelajari dan membaca Quran. Jika komuniti tipikal membaca Quran bersuara, bertajwid dan bertarannum, maka OP membaca Quran tanpa suara dengan mengisyaratkan setiap huruf Quran sesuai dengan aspirasi hadis Rasulullah SAW berkaitan keutamaan membaca Quran melalui konsep ‘Alif’ satu huruf, ‘Lam’ satu huruf dan ‘Mim’ satu huruf (Norakyairee et al., 2020).

Sehubungan dengan itu, isyarat Kod Tangan Quran (KTQ) telah dibangunkan dan memperoleh pengiktirafan daripada Panel Pakar Syariah (PPS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta Lembaga Pengawasan Pelesenan dan Pencetakan al-Quran (LPPPQ), Kementerian Dalam Negeri (KDN). Ia menjadi satu daripada kaedah tilawah Quran tanpa suara bagi OP, iaitu dengan mengisyaratkan atau membatangkan setiap huruf Quran (Rasm Uthmani) menggunakan isyarat KTQ yang mewakili setiap huruf (Norakyairee et al., 2024). Menurut Siti Ramna et al., (2021), penggunaan kaedah ini sekali gus membawa maksud membaca Quran tanpa melihat kepada baris dan tanda baca, tidak termasuk titik dan hamzah. Hal demikian kerana peranan titik dan hamzah diperlukan bagi mengelakkan kekeliruan OP dalam mengenali pasti setiap bentuk huruf dan kedudukannya dalam kalimah mengikut konteks Ilmu Rasm.

Sejak penganjuran pertama program Online Tadarus Tanpa Suara (OTTS) oleh Sekretariat Sahabat FAQEH USIM (SaF@USIM) bersama komuniti Muslim OP seluruh Malaysia pada tahun 2020 (Noornajihan Ja’afar, 2024), penggunaan isyarat KTQ dalam pembelajaran tilawah Quran terus diamalkan secara meluas dalam kalangan OP sehingga kini. Namun demikian, timbul beberapa isu dalam kalangan OP berkaitan penguasaan yang lemah dalam kemahiran pratilawah Quran menyebabkan mereka menghadapi cabaran untuk membaca Quran dengan lancar (Siti Ramna et al., 2021; Syar Meeze & Syafinnas, 2024). Bagi menangani isu tersebut, buku al-Rasm al-Ishari telah dibangunkan pada tahun 2024 sebagai buku pratilawah Quran isyarat. Selaras dengan proses pembelajaran tilawah Quran sebagaimana yang dinyatakan dalam Surah al-Qiyamah, buku al-Rasm al-Ishari menggunakan pendekatan mengenali bentuk dan kedudukan huruf, menghafaz isyarat KTQ, serta membaca setiap huruf mengikut kalimah (Norakyairee et al., 2024). Kini, beberapa Kelas

Tilawah Pekak turut diwujudkan sebagai platform bagi OP mempelajari kemahiran pratilawah Quran isyarat secara berguru menggunakan buku tersebut (Hidayah Qanie, 2025).

Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesesuaian dari aspek isi kandungan, panduan dan aktiviti, serta persembahan buku al-Rasm al-Ishari dalam membantu komuniti OP menguasai kemahiran pratilawah Quran isyarat, sekali gus membantu mengatasi cabaran pembelajaran yang mereka hadapi berdasarkan dapatan kajian-kajian lepas. Tumpuan kajian diberikan terhadap buku al-Rasm al-Ishari yang dibangunkan oleh Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Non-Governmental Organization (NGO) seperti Yayasan Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa (Yayasan FAQEH), Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan (NESDA), dan Markaz al-Jailani Lil Ulumul Islamiyah, Yayasan RI dan Dar Al Qari Resources (Norakyairee et. al., 2024).

## 2. PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian lepas menunjukkan pembelajaran tilawah Quran dalam komuniti OP menghadapi beberapa cabaran yang memerlukan pendekatan inovatif dan inklusif. Berdasarkan kajian oleh Muhammad Sayuti Sabdan et al. (2016), kurikulum subjek pendidikan Islam bagi pelajar pekak sebelum terbentuknya Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPPK) adalah menggunakan kurikulum aliran perdana yang diguna pakai oleh pelajar tipikal. Sehubungan itu, pembelajaran tilawah Quran pada ketika itu menggunakan kaedah Iqra' yang menekankan pengenalan huruf hijaiyyah secara bertahap melalui susunan buku Iqra' dari jilid satu (1) hingga enam (6), secara talaqqi musyafahah. Pelaksanaannya difokuskan kepada pelajar pekak yang mempunyai keupayaan untuk mengeluarkan suara sahaja.

Namun demikian, keberkesanan kaedah Iqra' bagi pelajar pekak bergantung kepada sejauh mana kemahiran guru dalam menyampaikan pengajaran, kerana buku Iqra' asalnya dibangunkan sebagai Bahan Bantu Mengajar (BBM) untuk pelajar tipikal yang menggunakan prinsip fonetik (bunyi), sedangkan pelajar pekak menghadapi kesukaran untuk mengeluarkan bunyi sesuai dengan makhraj huruf dan tajwid (Norakyairee et al., 2024). Hal ini disokong oleh Nik Hassan et al. (2019) yang mendapati pelajar pekak sukar menyebut dan membezakan bunyi huruf hijaiyyah disebabkan ketidakupayaan mendengar mereka. Kajian oleh Mustafa et al. (2015) juga menyatakan pelajar pekak tidak dapat menyebut huruf-huruf Quran dengan betul kerana kekurangan dari segi pendengaran dan pertuturan. Maka, buku Iqra' merupakan BBM yang kurang sesuai untuk diguna pakai oleh komuniti OP yang menggunakan isyarat.

Selain itu, selepas penggunaan secara meluas isyarat KTQ dalam pembelajaran tilawah Quran, kajian oleh Syar Meeze & Syafinnas (2024) mendapati OP menghadapi kesukaran untuk mengingat dan memahami isyarat KTQ bagi huruf-huruf tertentu. Kesukaran itu berlaku apabila mereka tidak mengenal atau tidak biasa dengan tulisan bahasa arab dan ayat Quran, sehingga menyukarkan mereka untuk mengingat dan memahami huruf-huruf Quran dengan baik. Dapatan ini disokong oleh kajian Siti Ramna et al. (2021) yang mengkaji tentang program OTTS bahawa OP menghadapi cabaran seperti kelemahan menguasai kemahiran isyarat KTQ atas beberapa faktor, antaranya tidak mempunyai pengalaman mempelajari isyarat KTQ, terlupa isyarat KTQ, serta kekeliruan dengan bentuk huruf Quran.

Tambahan pula, Siti Ramna et al. (2021) menjelaskan bahawa ramai OP memiliki kelemahan tersebut kerana tidak pernah didedahkan dengan penggunaan isyarat KTQ dan baru hendak mengenali huruf-huruf Quran. Hal ini menjadi satu kesukaran buat OP terutamanya apabila huruf-huruf tersebut mempunyai bentuk dan ciri yang hampir sama atau apabila huruf-huruf itu bersambung membentuk satu kalimah sehingga bentuk asalnya berubah mengikut kedudukan, sama ada di awal, di tengah atau di akhir kalimah. Berdasarkan analisis yang dilakukan oleh Siti Ramna et al. (2021) terhadap laporan setiap hari oleh fasilitator program dan pemerhatian yang dilakukan

kepada setiap rakaman kelas OTTS, beliau telah menyenaraikan huruf-huruf yang menjadi kekeliruan OP, dan antaranya ialah huruf ‘Ain (ع), Ghayn (غ) dan Ha (ه).

Secara keseluruhannya, dapatan kajian-kajian lepas yang dinyatakan di atas menunjukkan bahawa ketidakupayaan mendengar dan bertutur dalam kalangan komuniti OP telah memberi kesan terhadap penguasaan kemahiran pratilawah Quran mereka. Justeru, mereka menghadapi pelbagai cabaran untuk membaca Quran dengan baik dan lancar. Antara cabaran tersebut termasuklah ketidaksesuaian BBM sedia ada seperti buku Iqra’ yang berasaskan prinsip fonetik, kesukaran mengingat dan memahami isyarat KTQ, serta kekeliruan terhadap bentuk huruf-huruf Quran yang bersambung dan berubah mengikut kedudukan dalam kalimat. Oleh yang demikian, al-Rasm al-Ishari yang dibangunkan sebagai buku pratilawah Quran isyarat khusus untuk komuniti OP wajar dinilai dari segi kesesuaian kandungannya bagi memastikan sama ada ia boleh membantu OP mengatasi cabaran yang dihadapi atau sebaliknya.

### 3. OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesesuaian dari aspek isi kandungan, panduan dan aktiviti, serta persembahan buku al-Rasm al-Ishari dalam membantu komuniti OP menguasai kemahiran pratilawah Quran isyarat, sekali gus membantu mengatasi cabaran pembelajaran yang mereka hadapi berdasarkan dapatan kajian-kajian lepas.

### 4. KAJIAN LITERATUR

Kajian literatur mendapati bahawa kajian yang secara khusus menganalisis kesesuaian kandungan buku pratilawah Quran Isyarat bagi OKU pendengaran masih terhad. Kebanyakan kajian yang ada di Malaysia lebih memberi tumpuan kepada buku teks pendidikan Islam, buku teks bahasa, dan buku asas bacaan. Namun, terdapat kajian yang menganalisis kandungan buku pratilawah bagi OKU penglihatan, iaitu kajian oleh Kauthar Abd Kadir et al. (2019) yang menilai kesesuaian buku Iqra’ Braille 2 sebagai asas mempelajari Quran bagi OKU penglihatan dengan menganalisis dari aspek isi kandungan, panduan dan aktiviti, serta persembahan buku tersebut. Kajian ini mendapati bahawa buku Iqra’ Braille 2 sesuai untuk OKU penglihatan, namun beberapa perkara perlu ditambah baik dan disesuaikan dengan gaya pembelajaran OKU penglihatan yang menyentuh tulisan Braille untuk membaca. Hal ini penting bagi memastikan penggunaan bahan tersebut dapat memberi impak yang terbaik terhadap pencapaian pembelajaran Quran bagi OKU penglihatan.

Selain itu, terdapat beberapa kajian yang melaksanakan analisis terhadap kandungan buku Pendidikan Islam, tetapi tidak dikhususkan kepada pembelajaran Quran bagi OKU Pendengaran seperti kajian oleh Halim Ismail et al. (2022) bertajuk *Analysis of a Quranic Topic in Islamic Education Textbook: Human Creation as a Sign of Allah’s Greatness* yang menganalisis nilai pedagogi dan kesesuaian topik “Penciptaan Manusia Bukti Kekuasaan Allah SWT” serta kandungannya dalam buku teks Pendidikan Islam Tingkatan 3 bagi Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Hasil analisis menunjukkan bahawa topik yang dikaji selaras dengan keupayaan pelajar untuk mentafsir pelajaran dengan baik. Walau bagaimanapun, terdapat banyak istilah biologi yang digunakan tidak disenaraikan dalam glosari untuk membantu pemahaman pelajar. Kajian ini mencadangkan agar penulis buku teks Pendidikan Islam pada masa hadapan perlu meneliti dengan lebih mendalam kualiti buku dari segi keseluruhan kandungan dan rangka kursus, termasuk menentukan kandungan yang wajar dimasukkan atau dikecualikan bagi memenuhi jangkaan generasi Muslim baharu.

Seterusnya, kajian oleh Halim Ismail et al. (2023) bertajuk *A Content Analysis of the Islamic Education Textbook in Malaysia* yang memfokuskan analisis kandungan terhadap satu topik daripada buku teks Pendidikan Islam Sekolah Menengah (KSSM) di Malaysia dari aspek penerapan akidah bagi pelajar Tingkatan 1. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa buku teks Pendidikan Islam perlu

menumpukan pembangunan kandungan yang terbaik dan lebih informatif, di samping menggalakkan pelajar bertindak dan membuat refleksi diri tentang peranan mereka sebagai khalifah Allah SWT melalui aspek penampilan fizikal buku, bahasa, latihan dan aktiviti, serta memasukkan soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Kajian lain yang turut menjadi rujukan dalam kajian ini berkaitan analisis kandungan secara kualitatif adalah kajian oleh Nur Hidayah Rashidi et al. (2025) bertajuk “Analisis Kandungan Bahan Bacaan untuk Pembelajaran Kemahiran Asas Membaca Bahasa Melayu pada Peringkat Prasekolah”. Kajian ini menganalisis kandungan empat buah buku yang diguna pakai oleh guru untuk pembelajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu pada peringkat prasekolah. Hasil analisis mendapati terdapat bahan bacaan berkenaan mempunyai susunan kandungan yang tidak mengikut kurikulum dan mempunyai kesalahan dari aspek bahasa. Kajian ini mencadangkan agar lebih banyak kajian terhadap bahan bacaan dilaksanakan supaya guru-guru mempunyai pengetahuan dalam memilih yang bersesuaian dan praktikal, di samping membantu penulis buku dalam merancang, menyusun dan menghasilkan bahan bacaan yang lebih berkualiti dan praktikal bagi pembelajaran yang berkesan dan berimpak kepada murid di dalam kelas.

Selain itu, kajian oleh Nurul Hasna Hasan et al. (2020) bertajuk “Analisis Kandungan Terhadap Penampilan Kandungan, Soalan, dan Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Tahap Dua: Data Anekdote” menekankan penampilan buku teks yang berkualiti, dan bersesuaian dengan keupayaan dan tahap murid. Kajian ini mendapati buku teks Bahasa Melayu KSSR mempunyai paparan visual yang menarik serta kesinambungan dan urutan topik serta subtopik yang baik. Namun, terdapat beberapa kelemahan pada aspek aktiviti seperti arahan yang agak umum dan tidak jelas, bersifat berulang, serta kurang mendorong pemikiran kritis, penyelesaian masalah dan analogi yang boleh menjatuhkan kualiti buku teks berkenaan sehingga boleh menyebabkan pelajar tidak dapat menguasai sesuatu konsep pembelajaran.

Secara keseluruhan, kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa kualiti buku yang digunakan sebagai rujukan dalam pembelajaran sangat penting untuk dianalisis dan dinilai dari segi kesesuaian kandungan dan penampilannya kepada pengguna sasaran. Kelemahan dalam aspek-aspek ini boleh menjejaskan kualiti buku, malah boleh menyebabkan pelajar gagal menguasai pelajaran. Oleh itu, kajian ini memfokuskan analisis kandungan buku al-Rasm al-Ishari bagi menilai dari aspek isi kandungan, panduan dan aktiviti, dan persembahannya dalam membantu komuniti OP mengatasi cabaran dalam mempelajari pratilawah Quran isyarat, seperti kesukaran mengingat dan memahami isyarat KTQ serta kekeliruan terhadap bentuk huruf-huruf Quran yang bersambung dan berubah mengikut kedudukan dalam kalimah. Penilaian ini diharapkan dapat menyokong pembangunan BBM yang mesra OP dalam memperkukuh kemahiran pratilawah Quran isyarat bagi komuniti tersebut.

## 5. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen. Menurut Nurul Asiah et al. (2023), terdapat dua kategori dokumen yang digunakan dalam kajian, iaitu dokumen sedia ada dan dokumen yang dijana oleh kajian. Dokumen-dokumen sedia ada ini juga dikenali sebagai data sekunder, iaitu seperti dasar kerajaan, laporan, rekod rasmi, minit mesyuarat, hantaran di media sosial, gambar, sijil dan pelbagai lagi (Nurul Asiah et al., 2023).

Persampelan kajian ini menggunakan persampelan bertujuan terhadap dokumen sedia ada, iaitu buku al-Rasm al-Ishari yang diguna pakai oleh komuniti OP untuk mempelajari kemahiran pratilawah Quran isyarat.

Data dianalisis menggunakan analisis kandungan secara deskriptif. Dalam kajian ini, buku al-Rasm al-Ishari dianalisis daripada aspek isi kandungan, panduan dan aktiviti, serta persembahan buku berdasarkan pengalaman penyelidik sebagai tenaga pengajar kepada OP selama dua tahun dengan menggunakan buku ini, bagi menilai kesesuaiannya sebagai BBM pratilawah Quran isyarat,

khususnya dari segi keupayaannya membantu komuniti OP mengatasi cabaran pembelajaran yang telah dikenal pasti daripada kajian-kajian lepas.


## 6. DAPATAN KAJIAN

### 6.1 Analisis Terhadap Isi Kandungan

Buku Al-Rasm al-Ishari mengandungi 103 halaman termasuk biodata penulis yang terletak di halaman terakhir. Dari segi struktur kandungan, buku ini disusun secara berurutan bermula dengan prakata penulis dan pengenalan buku yang menjelaskan tujuannya dibangunkan, maksud disebalik pemilihan nama buku, serta penyediaan *Quick Response (QR) Code* yang menghubungkan pembaca kepada aplikasi Quran Isyarat untuk dimuat turun melalui platform *Google Playstore*. Bahagian awal ini menunjukkan buku menyediakan penerangan awal dan sokongan digital untuk memudahkan pembelajaran OP.

Seterusnya, buku turut disediakan panduan penggunaan, panduan transliterasi makhraj, dan definisi tilawah Quran bagi OKU pendengaran yang dinyatakan mempunyai kelulusan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Quran OKU (OKU Pendengaran) dari PPS JAKIM kali ke-103 pada tahun 2020. Bahagian ini menyelaraskan kefahaman OP terhadap istilah dan kaedah pembelajaran dalam buku al-Rasm al-Ishari sebelum sesi pembelajaran bermula.

Dari aspek kandungan teras, buku ini memperkenalkan Isyarat KTQ Standard Malaysia bagi huruf-huruf Quran (Rasm) yang terbahagi kepada huruf asas dan huruf tambahan, dengan memaparkan isyarat KTQ yang mewakili setiap huruf Quran bersama bentuk dan nama huruf. Pembelajaran awal ini didapati bersifat paparan kerana halaman tersebut tidak disertakan dengan arahan atau aktiviti, seperti dalam rajah di bawah:



Rajah 1: Pengenalan Isyarat KTQ Standard Malaysia.

Bahagian ini didapati sesuai sebagai pengenalan awal kepada isyarat KTQ, khususnya dalam membantu OP mengenal nama dan bentuk huruf tunggal secara tulisan dan isyarat KTQ. Namun, guru perlu kreatif dalam merancang serta melaksanakan aktiviti dan latihan yang pelbagai untuk memperkukuhkan ingatan OP dengan lebih berkesan.

Selepas fasa pengenalan isyarat KTQ, pembelajaran diteruskan kepada aktiviti mengenal dan membaca huruf pertama, iaitu huruf Alif (ا) melalui contoh-contoh kalimah yang disediakan mengikut kedudukan huruf di awal, di tengah dan di akhir kalimah. Susunan aktiviti ini selepas pengenalan huruf tunggal didapati sesuai untuk membantu OP mengenal perubahan bentuk huruf apabila ia bersambung dalam sesuatu kalimah. Walau bagaimanapun, keberkesanan pembelajaran pada bahagian ini masih bergantung kepada bimbingan guru, khususnya dalam memberikan penjelasan berkaitan huruf yang mempunyai bentuk yang sama.

Hal demikian kerana buku ini hanya menunjukkan contoh kalimah tanpa penerangan tambahan berkaitan konsep huruf yang bersambung. Berdasarkan pengalaman penyelidik, kekeliruan dalam kalangan OP sering berlaku di sini pada peringkat awal pembelajaran. Contohnya, OP menyangka bahawa huruf Alif (ا) boleh bersambung dengan huruf selepasnya, sedangkan bentuk tersebut sebenarnya merujuk kepada huruf Lam (ل). Hal ini berlaku kerana tiada penerangan atau maklumat tambahan yang menjelaskan bahawa Alif (ا) tidak boleh bersambung dengan huruf selepasnya. Oleh itu, dapatan ini menunjukkan bahawa penerangan berkaitan konsep sambungan huruf perlu ditambah bagi membantu OP mengenal huruf yang bersambung dengan lebih baik. Seterusnya, setiap halaman berikutnya memperkenalkan pula huruf-huruf baharu dengan pendekatan pengenalan yang sama seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:

18 | AL-RASHM AL-ISHHARI - Pratiwewah Quran Isyarat bagi Komuniti OKU Pendengaran

HURUF ALIF

Kenal dan baca dengan betul.

ا	ا	ا
Akhir	Tengah	Awal
لا	زان	الله
لا	ران	الله
لا	ران	الله
أَهْدِنَا	بَعَادِ	الضَّمْدُ
اهدنا	بعاد	الضمد
اهدنا	بعاد	الضمد
فُلُونِنَا	أَتَقَالَهَا	الْيَتِيمِ
قلوبنا	أقالها	اليتيم
قلوبنا	أقالها	اليتيم

**Rajah 2:** Pengenalan bentuk huruf mengikut kedudukan dalam kalimah.

Selepas melengkapkan pengenalan huruf sehingga huruf terakhir, iaitu Ta Marbutah (ة), buku turut memperkenalkan teknik bacaan bagi ayat-ayat yang mengandungi tanda waqaf dan tanda baca (Dabt) seperti dalam rajah di bawah:

BB | AL-RASM AL-ISHARI - Pratilawah Quran isyarat bagi Komuniti OKU Pendengaran

BACAAN BAGI AYAT YANG MENGANUNGI TANDA WAQAF

1.	WAQAF LAZIM هـ	قَوْلُهُمْ إِنَّا قولهم إنا ق و ل ه م إ ن ا
2.	WAQAF JA'IZ ح	الْدُّنْيَا وَذَكَرَ الدنيا وذكر ا ل د ن ي ا و ذ ك ر
3.	WAQAF HASAN (BAIK) ص	رَبِّهِمْ وَأُولَئِكَ ربهم وأولئك ر ب ه م و أ و ل ي ك
4.	WAQAF KAFI (CUKUP) ق	مِنْهَا أُولَئِكَ منها أولئك م ن ه ا أ و ل ي ك


Rajah 3: Pengenalan tanda waqaf.

Penyelidik mendapati bahagian ini sesuai dan membantu mengelakkan kekeliruan dalam kalangan OP apabila terjumpa tanda waqaf dan tanda baca yang menyerupai huruf seperti Alif kecil, Waw kecil, Nun kecil, dan lain-lain. Seperti bahagian sebelumnya, bahagian ini juga memerlukan bimbingan guru, terutamanya dalam memberikan penjelasan yang terperinci agar OP dapat memahami fungsi tanda-tanda tersebut di dalam Quran dan mengenal pasti perbezaannya dengan huruf Quran. Kemudian, isi kandungan buku al-Rasm al-Ishari diakhiri dengan glosari dan biodata penulis.

## 6.2 Analisis Terhadap Panduan dan Aktiviti

Panduan dan arahan dalam buku al-Rasm al-Ishari didapati sesuai dan menitikberatkan keperluan komuniti OP yang bergantung kepada kekuatan visual dalam pembelajaran. Dari segi ayat arahan, penggunaan tulisan *sans serif* dan tulisan tebal (*bold*), serta kedudukannya di bahagian atas halaman berfungsi untuk menarik perhatian OP dan mengenal pasti arahan dengan cepat sebelum memulakan aktiviti dalam buku. Selain itu, penggunaan ayat yang ringkas tanpa imbuhan turut memudahkan OP untuk memahami arahan, selaras dengan tahap penguasaan kosa kata mereka yang terhad.


Dari aspek pelaksanaan PdP, panduan penggunaan buku ini juga didapati sesuai kerana menekankan keperluan bimbingan guru Quran yang terlatih dan berkemahiran dalam pengajaran Quran isyarat. Penekanan ini menunjukkan pentingnya peranan guru untuk memastikan pembelajaran pratilawah Quran isyarat dapat dilaksanakan dengan betul dan berkesan. Selain itu, penyediaan contoh pada bahagian latihan bertulis berfungsi dengan baik sebagai panduan dan rujukan yang membantu OP memahami dengan lebih jelas proses latihan yang perlu dilaksanakan.



Rajah 4: Panduan Penggunaan buku al-Rasm al-Ishari.

Dari segi reka bentuk aktiviti, susunan pembelajaran dalam buku ini didapati sesuai dengan pembelajaran OP kerana disusun secara berperingkat dan berkesinambungan. Bermula dengan aktiviti pengenalan huruf yang dipelajari pada halaman sebelumnya dan dikekalkan format secara konsisten bagi setiap huruf dari Alif (ا) hingga Ta Marbutah (ة). Setelah OP membaca dan mengenal setiap huruf termasuk bentuknya pada tiga kedudukan iaitu di awal, di tengah dan di akhir kalimat, mereka seterusnya dikehendaki melaksanakan latihan bertulis dengan mencerakinkan kalimat-kalimah yang telah disediakan kepada beberapa proses. Latihan bertulis ini membolehkan OP mempraktikkan apa yang telah dipelajari secara aktif.

Penyediaan sebanyak 25 contoh kalimat bagi setiap huruf yang dibahagikan mengikut kedudukan huruf juga didapati sesuai dengan pembelajaran OP kerana memberi pendedahan kepada mereka bentuk huruf yang pelbagai. Contohnya huruf Ba (ب), terdapat lima kalimat yang mengandungi huruf ب di awal, di tengah, dan di akhir kalimat. Kemudian, proses latihan bertulis juga dilaksanakan secara berperingkat, iaitu bermula dengan menyalin semula kalimat asal beserta tanda baris (بِسْمِ), kemudian membuang tanda baris pada kalimat (بِسْمِ), seterusnya mencerakinkan kalimat tersebut (ب س م) dan akhirnya membaca semula kalimat yang telah dicerakinkan dengan menggunakan isyarat KTQ. Secara keseluruhannya, reka bentuk aktiviti ini sesuai untuk menyokong pembelajaran pratilawah Quran isyarat dalam kalangan OP, dan pendekatan ini bukan sahaja membantu meningkatkan kefahaman dan ingatan OP, tetapi juga sesuai untuk menilai kefahaman OP dalam mengenal bentuk huruf yang bersambung dalam sesuatu kalimat.




Rajah 5: Bahagian latihan bertulis dan contoh latihan.

### 6.3 Analisis Terhadap Persembahan Buku

Setiap halaman dalam buku al-Rasm al-Ishari bersaiz A4 dengan ukuran 21 cm × 29.7 cm, dan berwarna putih. Saiz ini didapati sesuai kerana menyediakan ruang halaman yang cukup luas untuk memaparkan kalimah Quran tanpa susun atur yang terlalu padat, khususnya apabila setiap halaman perlu memuatkan beberapa contoh kalimah. Ruang yang mencukupi ini membolehkan setiap kalimah ditulis dengan saiz yang besar, sekali gus memudahkan OP melihat dan mengenali huruf dalam kalimah dengan lebih jelas melalui latar belakang yang berwarna putih.

Dari segi ketebalan, buku ini kurang daripada 1 cm, menjadikannya ringan dan mudah dibawa oleh OP, khususnya bagi mereka yang perlu menghadiri kelas Quran isyarat secara fizikal di sesuatu tempat. Ciri ini didapati sesuai dan bersifat mesra pengguna kerana tidak membebankan dari segi penyimpanan dan kemudahan dibawa ke mana-mana.

Secara keseluruhannya, aspek persembahan fizikal buku al-Rasm al-Ishari didapati sesuai dan menyokong keperluan pembelajaran pratalawah Quran isyarat dalam kalangan OP, kerana reka bentuknya yang jelas, ruang halaman yang luas, serta ciri fizikal yang ringan dan mudah dibawa dapat membantu meningkatkan fokus dan memberikan keselesaan kepada OP semasa proses pembelajaran berlangsung.



Rajah 6: Muka depan



Rajah 7: Muka belakang

## 7. PERBINCANGAN DAN CADANGAN

### 7.1 Isi Kandungan

Penyusunan kandungan secara berperingkat bermula daripada pengenalan isyarat KTQ, diikuti dengan latihan bertulis, sehinggalah pendedahan kepada contoh berkaitan tanda waqaf dan tanda baca dalam sesuatu ayat Quran, menunjukkan usaha penulis dalam menyediakan BBM yang tersusun dan mesra OP supaya mampu mencapai objektif PdP. Pendekatan ini selaras dengan prinsip Teori Pemprosesan Maklumat (Atkinson & Shiffrin, 1968) yang menekankan keperluan susunan bahan pembelajaran secara berperingkat dan berstruktur bagi memudahkan penyimpanan maklumat dalam ingatan jangka panjang. Selain itu, pengulangan huruf-huruf Quran yang ditunjukkan dalam contoh-contoh kalimah berpotensi membantu OP mengingati dengan lebih baik bentuk huruf yang berubah mengikut kedudukan dalam kalimah. Hal ini disokong oleh kajian Dewi et al. (2023) yang mengatakan bahawa pengulangan secara berterusan diperlukan untuk memastikan maklumat kekal tersimpan dan melekat dalam ingatan.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan telah dikenal pasti hasil daripada analisis, khususnya pada bahagian pengenalan huruf. Buku ini hanya memaparkan contoh kalimah tanpa disertakan penerangan tambahan. Hal ini berpotensi menimbulkan kekeliruan dalam kalangan OP, contohnya apabila huruf Lam (ل) yang berada di tengah kalimah tersalah baca sebagai huruf Alif (ا). Kekeliruan ini boleh berlaku sekiranya tiada penerangan atau maklumat tambahan yang menjelaskan bahawa huruf Alif (ا) tidak boleh bersambung dengan huruf selepasnya. Keperluan kepada elemen penerangan tambahan ini disokong oleh kajian Sri Handayani (2024) yang mengatakan bahawa penerangan tambahan atau bahan sokongan dalam bahan pembelajaran diperlukan bagi meningkatkan kefahaman pelajar. Justeru, penambahbaikan bagi aspek penerangan tambahan pada peringkat pengenalan huruf Quran wajar dipertimbangkan bagi mengelakkan kekeliruan dan meningkatkan keberkesanan pembelajaran pratitawah dalam kalangan OP.

### 7.2 Panduan dan Aktiviti

Penggunaan ayat arahan yang pendek dan jelas, serta dicetak dengan tulisan *sans serif* berpotensi membantu OP mudah membaca dan memahami arahan. OP mempunyai kosa kata yang terhad,

seperti yang dinyatakan dalam kajian Williams et al. (2016) bahawa kanak-kanak pekak dan kurang pendengaran menghadapi cabaran yang besar dalam memperoleh pengetahuan kosa kata yang sesuai dengan usia mereka. Dengan itu, arahan yang ringkas dan tidak kompleks amat penting bagi mereka dalam proses pembelajaran terutamanya untuk memahami maklumat dan arahan pembelajaran. Selain itu, kedudukan ayat arahan di bahagian atas halaman dan penggunaan tulisan tebal boleh menarik perhatian OP untuk memberi tumpuan kepada arahan terlebih dahulu. Hal ini disokong oleh kajian Macaya & Perea (2014) yang mendapati bahawa perkataan dalam tulisan tebal dibaca dan dikenal pasti lebih pantas berbanding perkataan dalam tulisan biasa.

Dari aspek aktiviti, latihan bertulis yang disediakan dalam buku al-Rasm al-Ishari merupakan satu kekuatan BBM ini. Aktiviti seperti menyalin, membuang baris, mencerakinkan dan membaca kalimah berpotensi membantu OP dalam memperkukuh kemahiran pengecaman huruf, di samping menguji kefahaman mereka terhadap bentuk huruf Quran yang bersambung mengikut kedudukan dalam kalimah. Hal ini selari dengan kajian Izuli Dzulkifli (2024) yang menjelaskan bahawa pendekatan pembelajaran melalui latihan bertulis dapat membantu OP mengenali dan mengenal huruf serta kalimah. Namun, aktiviti ini boleh ditambah baik dengan menyediakan beberapa latihan tambahan yang pelbagai.

### 7.3 Persembahan Buku

Buku al-Rasm al-Ishari bersaiz A4 dengan halaman berwarna putih, serta susun atur setiap halaman yang tidak terlalu padat berpotensi membantu OP untuk kekal fokus sepanjang proses pembelajaran kerana reka bentuknya yang jelas dan tersusun. Selain itu, penggunaan tulisan bersaiz besar dan gambar yang jelas turut memudahkan OP untuk mengenali huruf dalam kalimah, selari dengan kajian Mokhtaruddin & Shaffeei (2025) yang menegaskan bahawa bahan pembelajaran perlu mesra pengguna, dengan susun atur yang sistematik, gambar yang jelas, serta teks yang mudah difahami, agar dapat membantu meningkatkan kefahaman pelajar terhadap sesuatu topik. Tambahan pula, ketebalan buku yang kurang daripada 1 cm menjadikannya ringan dan mudah dibawa oleh OP. Secara keseluruhan, buku ini menunjukkan ciri reka bentuk yang mesra pengguna, serta tidak membebankan dari segi penyimpanan dan mobiliti.

### 7.4 Cadangan Penambahbaikan

Berdasarkan dapatan analisis dan perbincangan di atas, beberapa cadangan penambahbaikan dikemukakan seperti berikut:

- i. Menambah maklumat ringkas mengenai huruf yang boleh dan tidak boleh bersambung dengan huruf sebelum atau selepasnya dalam sesuatu kalimah. Maklumat ini dicadangkan dalam bentuk jadual atau infografik supaya lebih mudah difahami dan boleh dijadikan rujukan oleh OP.
- ii. Menambah latihan pengukuhan kefahaman dengan mewujudkan latihan bagi OP mencari kalimah bagi setiap huruf pada kedudukan awal, tengah dan akhir di dalam Quran.
- iii. Menjalankan kajian lanjutan yang melibatkan OP bagi menilai keberkesanan penggunaan buku al-Rasm al-Ishari dalam pembelajaran tilawah Quran, seterusnya mengukuhkan kesahan dan nilai guna buku ini.

## 8. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, berdasarkan analisis terhadap isi kandungan, panduan dan aktiviti, serta persembahan buku, al-Rasm al-Ishari menunjukkan ciri yang sesuai untuk digunakan sebagai bahan pratilawah Quran isyarat untuk komuniti OP. Buku ini bukan sahaja memenuhi keperluan dari aspek isi kandungan, panduan dan aktiviti, serta persembahan yang mesra OP, tetapi juga berpotensi

membantu komuniti OP mengatasi cabaran yang dikenal pasti daripada kajian-kajian lepas, seperti BBM sedia ada yang kurang sesuai, kesukaran mengingati dan memahami isyarat KTQ, serta kekeliruan terhadap bentuk huruf-huruf Quran yang berubah mengikut kedudukan dalam kalimat.

Justeru, pelaksanaan dan penambahbaikan berterusan terhadap buku ini adalah penting bagi memastikan keberkesanan dan keberlanjutan penggunaannya dalam memperkukuh kemahiran pratilawah Quran isyarat dalam komuniti OP.

## 9. PENGHARGAAN

Penyelidik ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Pusat Penyelidikan Ibnu Umami Maktum (UMMI) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) kerana memberi ruang dan peluang untuk menjalankan kajian ini.

## RUJUKAN

Al-Quran.

Atkinson, R. C., & Shiffrin, R. M. (1968). *Human memory: A proposed system and its control processes*. Stanford University.

Dewi Rudin, S., Amin, S., & Sudirman. (2023). “Efektivitas metode repetition dan kelancaran membaca al-Qur’an dalam meningkatkan kemampuan menghafal al-Qur’an siswa Kelas IV SD Negeri 1 Fakfak”. *Transformasi: Jurnal Kepemimpinan & Pendidikan Islam*. Jil. 8. (1): hlm. 35-46. <https://doi.org/10.47945/transformasi.v8i1.1601>

Dzulkifli, I. (2022). *Akses Dan Cabaran Pendidikan Al-Quran Bagi Murid Berkeperluan Khas Kurang Upaya Pendengaran*. Bangi: Penerbit UKM.

Halim Ismail, Hilmiah Hassan, Madidah Khalid, & Muhammad Sabri Sahrir (2022). “Analysis of a Quranic Topic in Islamic Education Textbook: Human Creation as a Sign of Allah’s Greatness”. *The Online Journal of Islamic Education*. Jil. 10. (2): hlm. 28-37.

Halim Ismail, Nurul Afifah Raslan, Suhailah Hussien, Nik Md. Saiful Azizi Nik Abdullah, Muhammad Sabri Sahrir, & Noor Azizi Ismail (2023). “A Content Analysis of The Islamic Education Textbook in Malaysia”. (Kertas). *Proceeding International Conference on Islamic Education*. Faculty of Tarbiyah and Teaching Training, Universitas Islam Negeri (UIN) Maulana Malik Ibrahim Malang. 10 November.

Handayani, S. (2024). “A meta-analysis of students’ perceptions on the readability of learning materials in TEFL classes”. *International Journal of Education and Humanities (IJEH)*. Jil. 4. (3): hlm. 109-120. [https://doi.org/10.58557/\(ijeh\).v4i3.237](https://doi.org/10.58557/(ijeh).v4i3.237)

Kauthar Abd Kadir, Mahyuddin Hashim, Norakyairee Mohd Raus, Nurul Asiah Fasehah Muhamad, Noornajihan Ja’afar, Adnan Mohamed Yusoff, & Nur Badriah Omar (2019). “Kesesuaian Kandungan Buku Iqra’ Braille 2 Kepada Golongan OKU Penglihatan Sebagai Asas Mempelajari Al-Quran”. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*. Jil. 4. (20): hlm. 108-118.

- Khamaruddin, S. R., Muhamad, N. A. F., & Mohd Raus, N. (2021). "Online Tadarus Quran Tanpa Suara (Online TTS): Cabaran komuniti OKU pekak". *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs (JQSS)*. Jil. 5. (2): hlm. 137-154. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol5no2.147>.
- M. Abdul Ghoffar & Abu Ihsan al-Atsari (ptrj.). 2016. *Tafsir Ibnu Katsir*. Jil. 9. Indonesia: Pustaka Imam asy-Syafi'i.
- Macaya, M., & Perea, M. (2014). "Does bold emphasis facilitate the process of visual-word recognition?" *The Spanish Journal of Psychology*. Jil. 17. (e2): hlm. 1-5. <https://doi.org/10.1017/sjp.2014.2>
- Mohd Rashid, S. M., & Srafi, N. S. B. (2024). "Cabaran golongan pekak dalam mempelajari tilawah dengan menggunakan Kod Tangan Quran". *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. Jil. 8. (1): hlm. 91-101. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol8no1.217>
- Mokhtaruddin, N. R., & Shaffeei, K. (2025). "Penilaian kesesuaian seni reka teks dan ilustrasi dalam buku teks matematik masalah pembelajaran tahun satu KSSRPK oleh guru pendidikan khas di sekolah rendah integrasi". *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*. Jil. 9. (1): hlm. 227-248. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v9i1.170>
- Mustafa, C. O., Abdul Hakim, A., Nik Hassan, S., & Abdullah, Y. (2015). "Kesukaran mengajar dan belajar al-Quran dalam kalangan pelajar pekak: Isu dan cabaran guru Pendidikan Islam". (Kertas). *eProceedings International Seminar on al-Quran in Contemporary Society*. Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu. 10-11 Oktober.
- Nik Hassan Seman, M., Ridzuam Idris, M., Daud, M. I., Nik Azhar Nik Ab. Rahman, & Abdul Rahman, M. N. (2019). "Teaching al-Quran to deaf students: Challenges for Islamic education teachers". *Online Journal of Islamic Education (O-JIE)*. Jil. 7. (1): hlm. 46-53.
- Norakyairee Mohd Raus, Khamaruddin, S. R., & Ahmad Razuan, S. R. (2020). "Inovasi pembelajaran Quran dalam kalangan OKU pekak berdasarkan hadis keutamaan membaca Quran". (Kertas). *Proceedings of the 7th International Prophetic Conference (SWAN)*. Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan. 29-30 Oktober.
- Norakyairee Mohd Raus, Rasdi, M. N. A., & Azhar, N. A. (2024). *Al-Rasm al-Ishari*. Negeri Sembilan: Penerbit USIM.
- Nur Hidayah Rashidi, Nurul Haniza Samsudin, & Nur Yuhanis Mohd Nasir (2025). "Analisis Kandungan Bahan Bacaan untuk Pembelajaran Kemahiran Asas Membaca Bahasa Melayu pada Peringkat Prasekolah". *Pendeta: Journal of Malay Language, Education and Literature*. Jil. 16. (1): hlm. 145-160. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.1.13.2025>
- Nurul Asiah Fasehah Muhamad, Siti Fatimah Mohd Tawil & Noor Saazai Mat Saad. 2023. *Final Year Project Handbook*. Negeri Sembilan: USIM PRESS.
- Nurul Hasna Hasan, Ahmad Arifin Sapar, & Saedah Siraj (2020). "Analisis Kandungan Terhadap Penampilan Kandungan, Soalan dan Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Kurikulum Standard Sekolah Rendah Tahap Dua: Data Anekdote". *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. Jil. 8. (2): hlm. 1-12.

Sabdan, M. S., Alias, N., Zulkifli (Yakub @ Mohd Yakub Yusof), D., Jomhari, N., Daud, N. ‘Aziah M., & Md Aslie, N. F. (2016). “Tinjauan pelaksanaan pendidikan Al-Quran bagi golongan pekak di Malaysia”. *Jurnal Al-Turath*. Jil. 1. (2): hlm. 43-51.

Sinar Harian. (2024, April 4). “Tadarus tanpa suara melalui Quran isyarat untuk OKU pendengaran”. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/658110/khas/quranhour/tadarus-tanpa-suara-melalui-quran-isyarat-untuk-oku-pendengaran>

Sobri, S. A. (2025, September 5). “Kod Tangan Quran bantu OKU khatam al-Quran”. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2025/09/1260499/kod-tangan-quran-bantu-oku-khatam-al-quran>

Williams, N. J., & colleagues. (2016). *Vocabulary acquisition in deaf and hard-of-hearing children: Research and interventions*. In M. Marschark, V. L. Lampropoulou, & E. K. Skordilis (Eds.), *The Oxford handbook of deaf studies in language and education* (Vol. 2, pp. 161–178). Oxford University Press. <https://doi.org/10.1093/oxfordhb/9780190241414.013.9>

Mim Tasnim binti Rebi (Corresponding author)

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai  
71800, Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA  
Email: [mimtasnim30@gmail.com](mailto:mimtasnim30@gmail.com)

Norakyairee bin Mohd Raus  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai  
71800, Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA  
Email: [norakyairee@usim.edu.my](mailto:norakyairee@usim.edu.my)

Nurul Asiah Fasehah bin Muhamad  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai  
71800, Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA  
Email: [nurulasiahfasehah@usim.edu.my](mailto:nurulasiahfasehah@usim.edu.my)